

# JAWAPAN

Unit  
1

## Pilihan Bermoral Pilihan Saya

### Modul PBD

1. (a) Bertingkah laku baik  
(b) Mematuhi peraturan  
(c) Mematuhi undang-undang  
(d) Mengikut ajaran agama dan kepercayaan  
(e) Bertingkah laku benar dan patut  
(f) Mengutamakan keperluan semua  
(g) Tidak mementingkan diri sendiri  
(h) Mendatangkan kebaikan kepada diri dan orang lain

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

2. • Meningkatkan keyakinan diri  
• Memelihara harga diri  
• Menjamin masa hadapan yang cerah  
• Memupuk perpaduan dan keharmonian  
• Melahirkan sikap hormat-menghormati  
• Meningkatkan hubungan kerjasama

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

3. (a) Saya akan memberitahu guru bertugas tentang kejadian tersebut. Saya juga akan menasihati rakan baik saya supaya tidak melibatkan diri dalam gejala membuli.  
(b) Saya akan memilih bidang yang bersesuaian dengan minat, bakat dan kelulusan saya. Saya akan menjelaskan dengan cara yang baik kepada kedua-dua ibu bapa saya tentang pilihan saya.  
(c) Saya akan memberitahu adik saya dengan berhikmah bahawa saya sudah berjanji dengan rakan-rakan untuk mengulang kaji pada petang Sabtu ini. Saya akan meminta adik saya menyertai pertandingan tersebut dengan rakannya.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

4. (a) Supaya tidak merugikan diri sendiri  
(b) Supaya dapat menjamin masa depan yang lebih cerah  
(c) Agar tidak menyesal pada kemudian hari  
(d) Mengelakan diri daripada terjebak dalam masalah sosial  
(e) Menjaga hubungan dengan ahli keluarga dan rakan-rakan  
(f) Menjaga nama baik keluarga dan diri sendiri
5. (a) Sedih kerana Kishen seperti mempergunakan saya untuk kepentingan peribadinya. Walau bagaimanapun, saya berasa terhutang budi dengan kebaikan Kishen menumpangkan saya menaiki motosikalnya untuk ke sekolah.  
(b) Menasihati Kishen agar tidak ponteng sekolah dan menyarankan Kishen mengumpul wang belanja sekolah sedikit demi sedikit untuk membayar semula hutang Krishna.  
(c) Menjamin masa depan yang baik.  
(d) Dikenakan tindakan disiplin oleh pihak sekolah, mencemarkan nama baik diri dan keluarga.  
(e) Mengajak ke arah kebaikan, sentiasa menasihati rakan apabila melakukan kesalahan, membantu rakan yang sedang dalam kesusahan.

### Power KBAT

1. Rakan memainkan peranan yang penting dalam hidup seseorang kerana kita lebih banyak meluangkan masa dan meluahkan perasaan kepada rakan berbanding ahli keluarga. Oleh yang demikian, kita hendaklah bijak memilih rakan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini.
2. Saya akan menolak ajakannya dan memberikan nasihat kepadanya tentang bahaya merokok. Selain itu, saya akan memberitahunya tentang peraturan sekolah yang wajib dipatuhiinya.
3. Akan dikenakan hukuman seperti digantung sekolah, dirotan atau dibuang sekolah.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah